



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

**TURUN PADANG MENINJAU CADANGAN PROJEK PERSEKUTUAN
MENAIKTARAF PERSIMPANGAN BERLAMPU ISYARAT DI PERSIMPANGAN
LEBUH AMJ FT109, SEKSYEN 4.50- JALAN SALIM DAERAH JASIN MELAKA**

JASIN, MELAKA – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, hari ini telah turun padang meninjau cadangan Projek Persekutuan Menaik Taraf Persimpangan Berlampu Isyarat di Persimpangan Lebuhraya AMJ FT109, Seksyen 4.50, Jalan Salim, Daerah Jasin, Melaka.

2. Lawatan ini bertujuan meninjau secara dekat keadaan dan permasalahan yang dihadapi penduduk, khususnya berkaitan akses perhubungan antara Batu Gajah dan Sebatu, susulan aduan serta permohonan yang diterima daripada orang awam.
3. Persimpangan berkenaan merupakan sebahagian daripada Jalan Persekutuan Lebuhraya AMJ dan pada masa ini tidak menyediakan hubungan terus antara Batu Gajah dan Sebatu. Keadaan ini menyebabkan pengguna perlu menggunakan laluan alternatif yang lebih jauh, selain terdapat aduan berkaitan risiko keselamatan, khususnya kepada penunggang motosikal yang melintas. Peningkatan jumlah penduduk dan pembangunan di kawasan sekitar turut meningkatkan keperluan untuk menambah baik persimpangan sedia ada kepada persimpangan empat kaki berlampu isyarat.
4. Cadangan projek ini melibatkan pembinaan persimpangan berlampu isyarat, sistem saliran baharu, pengalihan utiliti, pemasangan lampu jalan serta kerja-kerja penurapan semula jalan, dengan anggaran kos sebanyak RM3.5 juta.
5. KKR mengambil maklum keperluan penduduk dan pada masa yang sama menekankan kepentingan pengguna jalan raya memanfaatkan kemudahan sedia ada seperti lorong pusingan U (U-turn) dan pusingan P (P-turn) bagi memastikan pergerakan trafik lebih teratur dan selamat. Penentuan lokasi kemudahan tersebut dibuat berdasarkan penilaian aspek geometri jalan dan keselamatan.

6. KKR akan meneliti cadangan menaik taraf persimpangan ini berdasarkan keperluan, aspek keselamatan dan kesesuaian teknikal. Usaha ini selaras dengan aspirasi KKR melalui Program MYJalan untuk memastikan rangkaian jalan raya negara sentiasa berada pada tahap yang berkualiti, selesa dan selamat demi kesejahteraan rakyat.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
18 SEPTEMBER 2026

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADAN Ibekerja